

Ruj. Kami : PMS/UP/76/1(17)
Tarikh : 24 Februari 1997

Ketua-ketua Jabatan / Pejabat

Rumah Persekutuan / Wisma Persekutuan Di Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 6 TAHUN 1997**

**KEBERSIHAN BANGUNAN RUMAH PERSEKUTUAN/ WISMA
PERSEKUTUAN DI SABAH**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Berdasarkan lawatan pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh pejabat ini ke Rumah Persekutuan/Wisma Persekutuan di Sabah mendapati beberapa jabatan/pejabat yang suka melonggokkan sampah-sarap jabatan/pejabat masing-masing di ruang tangga, di kawasan lapang keliling bangunan atau pun di laluan gunasama. Keadaan ini memburukkan keadaan persekitaran serta mengganggu keselesaan pekerja serta mencerminkan imej yang tidak baik di kalangan pengunjung Rumah Persekutuan/Wisma Persekutuan berkenaan.

3. Sepertimana Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, tanggungjawab membersihkan ruang dalam pejabat adalah menjadi tanggungjawab jabatan/pejabat masing-masing. Oleh yang demikian, sampah-sarap tersebut hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah yang telah disediakan dan janganlah ruang tangga atau laluan gunasama dijadikan tempat pembuangan sampah.

4. Sehubungan dengan ini kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diminta untuk memastikan keadaan dalam dan persekitaran Rumah Persekutuan/Wisma Persekutuan di Sabah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selesa.

5. Sokongan dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.

s.k.:

Penyelia-penyelia Bangunan

Rumah Persekutuan/Wisma Persekutuan